

**TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS APRESIASI SEMPENA MERAIKAN KEMENANGAN
NATIONAL ENERGY AWARD (NEA) DAN ASEAN ENERGY
AWARD (AEA) 2021**

*16 November 2021 (Rabu), 2.30 Petang
Ames Hotel, Melaka*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Salutasi

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..

Yang Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berusaha En. Khairul bin Taib,
Bendahari

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Musthafah bin Mohd Tahir
Pengarah, Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi)


Pengarah-Pengarah Universiti

Pentadbir-Pentadbir Akademik

Jawatankuasa Pengurusan Tenaga Universiti

Penolong Pengurus Tenaga Pusat Tanggungjawab (PPTe)
dan Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera,
Salam Keluarga Malaysia,
Salam Keluarga UTeM.



اونيورسيٲي ٲيكنيكل ماليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 1) Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu pada petang ini bersempena Majlis Apresiasi Meraikan Kemenangan di National Energy Award (NEA) dan ASEAN Energy Award (AEA) pada tahun 2021 yang lalu.
- 2) Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi) serta semua warga Universiti yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam

menjayakan penyertaan Universiti di National Energy Award (NEA) dan ASEAN Energy Award (AEA).

- 3) Alhamdulillah, seperti yang semua sedia maklum, penyertaan ini telah menuai hasil yang amat membanggakan di mana UTeM telah menjadi juara di dalam NEA 2021 ini bagi kategori *Energy Management-Large Buiding*, yang seterusnya mewakili Malaysia di dalam ASEAN Energy Award 2021, dan sekali lagi menjadi juara dalam kategori yang sama di peringkat ASEAN. UTeM juga

telah mendapat Anugerah Khas (*Special Award*) bagi kategori institusi pengajian tinggi pada NEA 2021 tersebut.

- 4) Dengan kejayaan dua kategori di peringkat kebangsaan, UTeM telah berjaya membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM 80,000 disamping trofi.
- 5) Saya pasti kejayaan ini tidak hadir dengan mudah, yang mana ianya amat memerlukan perancangan teliti, komitmen masa selain gerak kerja dan usaha yang bersungguh-

sungguh dari tuan-tuan dan puan-puan semua, sehingga beroleh kejayaan yang amat membanggakan.

- 6) Syukur alhamdulillah dan tahniah saya ucapkan kepada semua.



Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

- 7) Saya berasa amat bangga kerana pencapaian ini bukan sahaja menjadikan UTeM sebagai MTUN pertama mencapai kejayaan gemilang tersebut, malah kejayaan ini telah menjadikan UTeM lebih dikenali di peringkat nasional mahupun di rantau ASEAN, terutamanya dalam bidang Pengurusan Tenaga Lestari.
- 8) Saya dimaklumkan kejayaan ini juga telah menjadikan UTeM penanda aras di mana sehingga kini UTeM telah menerima banyak lawatan penanda aras dari universiti-universiti tempatan dan hospital-hospital seperti UTHM,


UiTM Shah Alam, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tengku Ampuan Najihah dan lain-lain lagi.

- 9) Saya berharap kejayaan ini akan menjadi pemangkin kepada warga universiti yang lain untuk terus berusaha bersama-sama dalam mengharumkan nama UTeM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seterusnya membawa UTeM ke arah kejayaan yang lebih gemilang lagi pada masa akan datang.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

- 10) Insya Allah, dengan segala usaha bersama dan perancangan strategik yang telah dan akan dikenalpasti, saya amat yakin pencapaian-pencapaian yang lain akan menyusul pada masa akan datang.
- 11) Dengan adanya majlis apresiasi seperti ini, saya berharap agar ianya sedikit sebanyak dapat memberi penghargaan kepada mereka yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam sesuatu aktiviti sehingga mencapai kejayaan yang gemilang, seterusnya menaikkan nama universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

12) Akhir kata, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:



Membanting keringat si anak kelasi,
Usaha dicurah tidak dilupakan;
Kejayaan dicapai memecah tradisi,
Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahiwabarakatuh.